



**TERENGGANU DARUL IMAN**  
**TAMBAHAN PERUNDANGAN**  
**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**  
**Tr. P.U. 5/95**  
**UNDANG-UNDANG KECIL STOR KAYU DAN KERJAKAYU**  
**(MAJLIS DAERAH DUNGUN) 1995**

Tarikh penyiaran : 8 Jun 1995  
Tarikh mula berkuatkuasa : 8 Jun 1995

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

Mukadimah

- Undang-undang kecil 1. Nama dan pemakaian.
- Undang-undang kecil 2. Takrif.
- Undang-undang kecil 3. Lesen dikehendaki.
- Undang-undang kecil 4. Permohonan mendapatkan lesen dan bayaran..
- Undang-undang kecil 5. Tempoh lesen.
- Undang-undang kecil 6. Lesen tidak boleh dipindahmilik.
- Undang-undang kecil 7. Syarat terdahulu.
- Undang-undang kecil 8. Bangunan tidak boleh digunakan bagi maksud tertentu.
- Undang-undang kecil 9. Pembakaran habuk kayu dan buangan kayu.
- Undang-undang kecil 10. Menyimpan kayu berpotong.
- Undang-undang kecil 11. Kuasa memasuki.
- Undang-undang kecil 12. Penalti.

JADUAL

## **Mukadimah**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Dungun membuat dan menurut Seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, Undang-Undang Kecil yang berikut:

### **1. Nama dan pemakaian.**

Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Stor Kayu dan kerjakayu (Majlis Daerah Dungun) 1995** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Dungun sahaja.

### **2. Takrif.**

Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“bengkel tukang kayu” ertinya mana-mana premis di mana kayu berpotong dibentuk dengan tangan atau dengan menggunakan jentera mudah alih;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Dungun termasuk Timbalan Yang Dipertua;

“kayu berpotong” ertinya balak bergergaji dan kayu berketal yang dimaksudkan untuk tujuan perniagaan, selain daripada kayu yang dimaksud untuk digunakan sebagai kayu api;

“bengkel perabot” ertinya mana-mana premis di mana perabot kayu disimpan atau dipamerkan untuk tujuan perniagaan;

“kilang kayu halus” ertinya mana-mana premis di mana jentera berat digunakan untuk membentuk kayu berpotong;

“kilang papan” ertinya mana-mana premis di mana kayu berpotong digergaji dengan gergaji bulat atau gergaji gulung berjentera atau di mana apa-apa bentuk pemprosesan kayu atau pengilangan venire, papan lapis, papan serpai, parket atau lain-lain keluaran kayu ada dijalankan;

“stor kayu” ertinya mana-mana premis yang digunakan untuk menyimpan kayu berpotong, venire, papan lapis atau papan serpai dan termasuk kerjakayu seseorang

Pembina, tetapi tidak termasuk stor seseorang kontraktor di atas tapak bina bangunan di mana kayu disediakan dan direka untuk digunakan pada mendirikan bangunan di atas tapak bina itu;

“yad kayu” ertinya mana-mana premis di mana balak atau kayu kasar disimpan.

### **3. Lesen dikehendaki.**

Tanah atau bangunan tidak boleh digunakan untuk menyimpan kayu berpotong atau sebagai kilang papan, kilang kayu halus, bengkel tukang kayu atau bengkel perabot kecuali dengan suatu lesen yang diberi oleh Yang Dipertua seperti yang ditetapkan dalam Jadual kepada undang-undang kecil ini.

### **4. Permohonan mendapatkan lesen dan bayaran.**

- (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen atau membagarui lesen hendaklah dibuat dalam borang yang boleh didapati daripada Majlis Daerah Dungun.
- (2) Bayaran lesen yang kena dibayar adalah seperti dalam Jadual dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

### **5. Tempoh Lesen.**

Sesuatu lesen adalah tamat tempohnya pada 31 haribulan Disember tiap-tiap tahun melainkan jika dibaharui.

### **6. Lesen tidak boleh dipindahmilik.**

Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini tidak boleh dipindahmilik.

## **7. Syarat terdahulu.**

- (1) Sesuatu lesen tidak boleh dikeluarkan melainkan jika Yang Dipertua berpuas hati -
- (a) bahawa semua perubahan binaan atau lain-lain perubahan kepada premis untuk mengelakkan mudarat atau melindungi daripada kebakaran telah disiapkan dengan sempurnanya;
  - (b) bahawa premis itu dilengkapkan dengan kelengkapan menentang kebakaran yang cukup; dan
  - (c) Bahawa ada jalan keluar masuk yang secukupnya untuk memberi peluang yang munasabah kepada semua orang milarikan diri jika berlaku kebakaran.
- (2) Sebelum mengeluarkan sesuatu lesen Yang Dipertua boleh menghendaki pemegang lesen supaya memaang di premis itu apa-apa cara ganti udara atau pengasing habuk yang menggunakan jentera sebagaimana dinyatakan oleh Yang Dipertua.

## **8. Bangunan tidak boleh digunakan bagi maksud tertentu.**

Tidak seorang pun boleh menggunakan mana-mana bahagian kilang papan, yad kayu, stor kayu, bengkel tukang kayu atau kilang kayu halus –

- (a) bagi maksud tidur atau menyimpan alatan tempat tidur;
- (b) bagi menyimpan atau menggunakan cat, gilap, varnish, spirit yang mudah terbakar atau lain-lain bahan mudah terbakar;
- (c) sebagai bilik rehat; atau
- (d) bagi maksud menyediakan atau memasak makanan,

kecuali mana-mana bahagian yang dibenarkan Yang Dipertua secara bertulis dengan apa-apa had, sekatan atau langkah awasan yang dinyatakan oleh Yang Dipertua.

## **9. Pembakaran habuk kayu dan pembuangan kayu.**

Seseorang pemegang lesen tidak boleh membenarkan mana-mana orang membakar habuk kayu atau buangan kayu dalam kawasan premis berlesen melainkan jika pembakaran itu dibenarkan oleh Yang Dipertua.

## **10. Menyimpan kayu berpotong.**

Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan yang semua kayu berpotong di premis berlesen itu disimpan atau kayu dilonggokkan dengan cara kemas dan teratur hingga memuaskan hati Yang Dipertua dan dengan sedemikian cara supaya tidak menghalangi jalan masuk, jalan keluar atau laluan.

## **11. Kuasa memasuki**

Mana-mana pegawai Majlis dengan kebenaran bertulis dari Yang Dipertua pada setiap masa yang munasabah boleh memasuki mana-mana tempat di dalam premis bagi tujuan-tujuan pemeriksaan, penyiasatan atau melaksanakan mana-mana tugas atas arahan Yang Dipertua.

## **12. Penalti**

Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan di bawah undang-undang kecil ini atau mana-mana arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana syarat yang dikenakan di atas lesennya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tidak lebih dari satu tahun atau kedua-duanya denda dan penjara dan bagi kesalahan berterusan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan tersebut berterusan selepas disabitkan.

**JADUAL**

Undang-undang kecil 4 (2)

<i>Kadar Bayaran</i>	<i>RM setahun</i>
1. Kilang papan .. . . . .	1,000.00
2. Yad kayu .. . . . .	300.00
3. Stor kayu –	
(a) luas lantai tidak lebih daripada 138 meter persegi .. . . . .	100.00
(b) luas lantai lebih daripada 138 meter persegi tetapi tidak lebih daripada 276 meter persegi .. . . . .	200.00
(c) luas lantai lebih daripadam276 meter persegi ...	300.00
4. Bengkel tukang kayu .. . . . .	100.00
5. Jualan perabot –	
(a) luas lantai tidak lebih daripada 138 meter persegi .. . . . .	100.00
(b) luas lantai lebih daripada 138 meter persegi tetapi tidak lebih daripada 276 meter persegi .. . . . .	200.00
(c) luas lantai lebih daripadam276 meter persegi ...	300.00
6. (a) Jualan terompah .. . . . .	50.00
(b) Perusahaan terompah .. . . . .	50.00
(c) Jualan dan pengusahaan terompah .. . . . .	50.00
7. (a) Kilang kayu halus .. . . . .	200.00
(b) Pengusahaan perabot .. . . . .	200.00
(c) Kilang kayu halus dan pengusahaan perabot ...	300.00
8. Mana-mana kerjakayu lain yang tidak dinyatakan di atas .. . . . .	40.00 – 200.00

Diperbuat oleh Majlis Daerah Dungun dalam mesyuaratnya pada 22haribulan Mac,  
1994.  
[MDD.027/24]

HAJI HARUN BIN ALI,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Dungun.*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 4 haribulan April,  
1995.  
[SUK. TR. 1200/346/2/SK. B; PUN. TR. 85/3/21.]

OSMAN BIN MUDA,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,*  
*Terengganu.*